

Tangani segera masalah gelandangan

Elak imej Kuala Lumpur sebagai kota metropolitan moden tercalar

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR

Isu gelandangan di Kuala Lumpur harus ditangani segera kerana ia boleh mencemarkan imej ibu negara sebagai sebuah kota metropolitan moden, kata Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Lai Chen Heng.

Beliau berkata, semua masalah berbangkit memerlukan perancangan bersepadu melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Baitulmal, Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Menurutnya, walaupun berdepan misi sukar namun usaha membanteras isu gelandangan perlu ada dan tidak sekadar melepaskan batuk di tangga.

"Saya ingin Kuala Lumpur diingati sebagai sebuah ibu kota moden dan bukan ibu kota gelandangan.

"Apa yang pasti, isu gelandangan adalah satu realiti berlaku di depan mata kita. Walaupun tidak nampak serius tetapi boleh merebak ke kawasan lain jika tidak dibendung.

"Imej akan tercalar dan sukar dikembalikan sekiranya perkara ini tidak diatasi," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.



Gelandangan beratur bagi mendapatkan sumbangan perayaan baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas meninjau kawasan sekitar Medan Pasar di sini bersama dua Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur lain iaitu Carmen Leong dan Dr Bashir baru-baru ini.

Katanya, tafsiran gelandangan mengikut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai orang yang tiada ketentuan untuk tinggal dan biasanya menetap di jalanan.

Ujarnya, tinjauan mendapati kawasan tumpuan gelandangan tidak mempunyai tahap kebersihan yang baik.

"Bau busuk dan tidak menyenangkan meskipun kawasan tumpuan gelandangan ini terletak hanya 200 meter daripada lokasi pelancongan seperti Medan Tuanku, Masjid India, Jalan Hang

Lekiu dan Pasar Seni.

"Ini menyebabkan usaha DBKL untuk mengindahkan Kuala Lumpur juga terbantut apabila gejala gelandangan merosakkan harta benda awam, terutamanya mural dinding yang sepatutnya boleh menarik perhatian pengunjung," katanya.

Beliau tidak menafikan, banyak usaha dilakukan kerajaan untuk membantu golongan ini seperti bantuan bulanan JKM dan Baitulmal serta pusat perlindungan dan transit gelandangan namun mereka tetap memilih tinggal di jalanan.

Justeru beliau mahu membawa isu gelandangan ke peringkat Datuk Bandar Kuala Lumpur dan kementerian berkaitan supaya ia dilihat dari perspektif pembangunan negara, tambahhya.